

Ucapan Alu-aluan

**En. Mohammad Faizal Bin Abdul Hamid
Pengarah CIDB Negeri Pulau Pinang**

**Sempena Sesi Taklimat Serta Perbincangan Meja Bulat Program
Akreditasi Pekerja Mahir dan Penyelia Tapak Binaan
CIDB Pulau Pinang 2018**

**26 Jun 2018 (Selasa)
2.30 petang
Hotel Eastin, Pulau Pinang**

Bismillahirrahmanirrahim...

YANG BERUSAHA,
Pegawai-pegawai Kanan CIDB Malaysia
Tuan Hj Ir. Raslim Bin Salleh
En. Ahmad Ridzuan Ismail
Pn. Heryanti Helmi

YANG BERUSAHA,
En. Nazri Bin Zakaria
Ketua Pegawai Operasi
Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara

Pegawai-pegawai CIDB Malaysia dari Ibu Pejabat

Pegawai-pegawai ABM Wilayah Utara

YANG BERBAHAGIA DATUK

Pengarah-pengarah syarikat serta wakil-wakil syarikat

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Para hadirin yang dihormati,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya pada hari ini, dapat kita bersama-sama berkumpul sempena **Sesi Taklimat Serta Perbincangan Meja Bulat Program Akreditasi Pekerja Mahir dan Penyelia Tapak Binaan CIDB Pulau Pinang bagi tahun 2018**.
2. Bagi pihak CIDB Malaysia, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Ibu Pejabat khasnya Sektor Personel Binaan, serta Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara, atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan usaha ini.
3. Saya ingin menegaskan bahawa gandingan kerjasama antara CIDB dengan Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara adalah penting bagi melahirkan penggiat industri pembinaan yang mahir, produktif, serta mampu berdaya saing selaras dengan arus kemajuan negara. Bukan itu sahaja, ini juga mampu menjadi pencetus kepada perubahan dan peningkatan kualiti industri pembinaan di Malaysia.

4. Objektif program pada hari ini adalah untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir dan penyelia tapak binaan bertauliah di dalam industri pembinaan. Justeru, hadirin sekalian akan diberi pendedahan mengenai kepentingan Penilaian Kompetensi Kemahiran (PKK) dan Pentaulihan Penyelia Tapak Binaan sebentar lagi. Selain itu, diharapkan agar para hadirin akan lebih memahami tentang peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam Seksyen 33 dan Seksyen 33A, Akta 520 yang berkaitan dengan pendaftaran, akreditasi serta pentaulihan personel selepas daripada anjuran program ini.

Industri Pembinaan di Negeri Pulau Pinang dan Akta 520 CIDB

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Industri pembinaan di Pulau Pinang telah berkembang pesat dari tahun ke tahun sehingga mampu mencapai tahap pembangunan pembinaan projek-projek berskala besar. Sehingga kini, sebanyak 669 projek pembinaan sedang dilaksanakan di Pulau Pinang sejak tahun 2017 sehingga sekarang.
6. Akademi Binaan Malaysia kini sedang giat menjalani pentauliahkan pekerja mahir di sekitar Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan produktiviti industri pembinaan melalui akreditasi pekerja mahir yang dijalankan. Diharap jumlah penggiat industri yang berkemahiran tinggi ini dapat dipertingkatkan lagi agar industri pembinaan di Pulau Pinang khususnya bertambah efisien dan berkualiti tinggi.
7. Selaras dengan aspirasi ini, sejak tahun 2015, Akta Lembaga Industri Pembinaan Malaysia 520 (Pindaan 2011) **MEWAJIBKAN** kesemua penyelia tapak binaan dan pekerja binaan mahir diakreditasi, iaitu mendapatkan pentaulihan sebagai perakuan kemahiran dalam bidang mereka.
8. Ini merupakan langkah yang penting bagi memastikan hanya personel binaan yang bertauliah dan diperakui dibenarkan menjalankan tugas-tugas yang memerlukan kemahiran dan kecekapan yang tinggi.
9. Pihak CIDB amat memandang serius terhadap isu ini. Sehubungan itu, sekiranya seseorang itu didapati bersalah menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa diakreditasi, individu terlibat boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM5,000. Penalti yang sama juga boleh dikenakan kepada sesiapa yang mengambil pekerja yang tidak diakreditasi untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan.

Kepentingan Kemajuan Sektor dan Tenaga Kerja untuk Industri Pembinaan

Pada hadirin yang dihormati sekalian,

10. Meskipun kita dapat menyaksikan pelbagai kemajuan yang telah dicapai dalam aspek ini, namun masih banyak lagi usaha yang perlu diterajui bersama-sama sebagaimana yang telah dikenal pasti dalam Program Transformasi Industri Pembinaan atau CITP 2016-2020. Umum diketahui, CITP merupakan sebuah inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan industri pembinaan menjadi lebih moden, produktif, mampan serta mampu mencapai pertumbuhan yang berterusan. Usaha memajukan sektor pembinaan ini berdasarkan empat teras strategik utama, iaitu:
 - a) Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme;
 - b) Kemampanan Alam Sekitar;
 - c) Produktiviti; dan
 - d) Pengantarabangsaan.
11. Di bawah teras strategik ketiga, Produktiviti, CITP telah meletakkan sasaran untuk meningkatkan kadar produktiviti industri pembinaan sebanyak 2.5 kali ganda kepada RM62,000 per kapita bagi setiap pekerja menjelang tahun 2020 bagi memacu industri pembinaan menjadi lebih dinamik.
12. Namun, kami sedia maklum bahawa antara cabaran utama dalam industri pembinaan di Malaysia kini, adalah tenaga kerja yang kurang berkemahiran, termasuk dengan kekurangan sesi latihan dan pembangunan. Lebih membimbangkan lagi, industri pembinaan juga terlalu bergantung kepada buruh asing yang berkemahiran rendah.
13. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kerjasama penggiat industri untuk mematuhi pendaftaran personel binaan, bagi membolehkan CIDB untuk mengenal pasti bilangan personel binaan yang sedia ada mahupun diperlukan, termasuk program latihan kemahiran relevan yang perlu dilaksanakan, di samping mengekalkan taraf personel binaan di Malaysia. Langkah ini dapat menangani isu ketidakseimbangan tenaga kerja bagi industri pembinaan.

Penutup

14. Sebelum saya mengundurkan diri, saya berharap agar sesi taklimat dan perbincangan yang bakal dilaksanakan sebentar nanti dapat memberi manfaat dan pendedahan kepada hadirin sekalian. Ribuan terima kasih sekali lagi saya zahirkan dan syabas di atas komitmen yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan dalam meneraju industri pembinaan khususnya di Pulau Pinang ke arah industri yang lebih maju serta seterusnya menjadi penyumbang utama kepada sosioekonomi negara.
15. Saya yakin, dengan kesepakatan dan kerjasama daripada semua pihak tidak kira sektor awam maupun swasta, kita akan berjaya menggilap potensi sektor pembinaan untuk terus meraih kecermerlangan dan kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.
16. Dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan lafaz wabilahitaufik walhidayahh wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.